



13 OCT, 2021

Malaysia mahu jadi pembangun, pengeksport teknologi blockchain

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Malaysia mahu jadi pembangun, pengeksport teknologi blockchain

Malaysia berhasrat untuk menjadi pembangun dan pengeksport teknologi rantaian blok (blockchain) global yang mana mampu mewujudkan banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pengadaptasian blockchain di Malaysia juga adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (4IR) dan MyDigital.

Katanya, justeru itu beliau amat teruja dengan pembangunan dan pelaksanaan teknologi blockchain bagi membantu dan meningkatkan perdagangan antara Malaysia dan China.

"Usaha sama di antara MYEG Services Bhd dengan Institut Internet Perindustrian & IoT, Akademi Teknologi Maklumat dan Komunikasi China (CAICT) dalam membina 'supernodes' berlandaskan blockchain di luar negara China, akan mempromosi inovasi penciptaan teknologi, mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi serta mempertingkatkan perdagangan merentasi sempadan.

"Ini adalah langkah besar Malaysia ke arah masa depan digital yang selaras agenda RMK-12 untuk mendigitalisasikan ekonomi Malaysia," katanya ketika beru-



Dr Adham (kiri) bersama Norraesah menyaksikan dokumen perjanjian antara Thean Soon dan Timbalan Pengarah CAICT, Li Haihua pada majlis menandatangani MoU antara MYEG dan CAICT secara maya di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

cap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara MYEG dan CAICT di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Eksekutif MYEG, Datuk Dr Norraesah Mohamad dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Wong Thean Soon.

MoU itu antara lain untuk perlanjutan antarabangsa bagi rangkaian blockchain kebangsaan China, Xinghuo, Kemudahan dan Infrastruktur Blok Rantaian (BIF) dengan memperkenalkan tulang belakang dan 'supernodes' di luar negara China yang dikenali sebagai Zetrix.

Ia membolehkan negara-negara serta syarikat, terutama yang berada di dalam Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) menggunakan Zetrix sebagai pintu masuk untuk rangkaian negara China, 'Xinghuo BIF' bagi memaksimumkan potensi perjanjian dagangan bebas dengan memanfaatkan teknologi blockchain.

Aplikasi projek perintis dalam blockchain akan memperkaskan pengesanan perdagangan, identiti digital, pengurusan rantaian bekalan, kebijaksanaan kewangan dan perdagangan digital akan membolehkan gelombang

inovasi dan pembangunan bakat yang baru untuk masa depan tanpa sempadan.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, sebagai sebahagian usaha ke arah mencapai ekonomi digital, beliau menggesa semua pemain industri untuk mengikuti jejak langkah MYEG dalam meneroka dan mengadaptasi blockchain dalam perniagaan mereka.

"Teknologi ini berupaya menangani cabaran dan mengoptimumkan peluang di era digital ini untuk pembangunan ekonomi, sosial dan persekitaran," katanya.



13 OCT, 2021

Malaysia mahu jadi pembangun, pengeksport teknologi blockchain

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Malaysia berhasrat untuk menjadi pembangun dan pengeksport teknologi rantaian blok (blockchain) global yang mana mampu mewujudkan banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pengadaptasian blockchain di Malaysia juga adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Dasar Revolusi Perindustrian Keempat Negara (4IR) dan MyDigital.Katanya, justeru itu beliau amat teruja dengan pembangunan dan pelaksanaan teknologi blockchain bagi membantu dan meningkatkan perdagangan antara Malaysia dan China.